

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SBP310 - Kaedah Penyelidikan Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan dari soalan-soalan berikut. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. Anda dikehendaki menulis satu panduan tentang teknik menjalankan penyelidikan tinjauan serta cara-cara untuk memproses data dari penyelidikan tersebut. Sila bentangkan dengan sejelas-jelasnya panduan tersebut dengan mengandaikan bahawa keterangan ini boleh digunakan dengan secara praktik oleh ahli-ahli penyelidik.
[100 markah]

2. Sekiranya anda dikehendaki menjalankan penyelidikan tentang masalah deraan terhadap kanak-kanak bagaimanakah penyelidikan ini akan dijalankan? Bincangkan skop kajian. Apakah kaedah yang akan digunakan dan mengapa?
[100 markah]

3. Penyelidikan Penyertaan cuma sesuai dipraktikkan di dalam keadaan aktivisme sosial dan bukan untuk tujuan ilmiah. Apakah pendapat anda? Mengapa?
[100 markah]

4. Sekiranya anda harus mempertahankan asas positivisme sebagai satu sahaja asas yang harus diterima dalam kaedah penyelidikan sains sosial, bagaimanakah ini akan dilakukan?
[100 markah]

...2/-

5. Terangkan jenis-jenis serta klasifikasi data yang terdapat dari sumber-sumber resmi dan arkib. Apakah had-had dan kelebihan penggunaan data-data ini? [100 markah]
6. Dengan bemanduan kes kajian yang anda jalankan sendiri untuk kerjakursus, bagaimanakah kaedah Penilaian boleh digunakan sekiranya satu dokumen Perancangan harus dikeluarkan? Contohnya, jika dulu anda telah cuba melihat taraf kesihatan atau kualiti hidup dengan menggunakan kaedah tertentu, sekarang bagaimana pula jika kita gunakan kes yang sama untuk tujuan perancangan dasar? [100 markah]
7. Apakah masalah dalam menjalankan kerja lapangan? Di sebaliknya apakah faktor-faktor sosial dan teknikal yang menjadi pendorong dalam tugas penyelidikan anda, terutama semasa di kawasan lapangan? Mengapa? [100 markah]
8. Di bawah ialah setengah daripada konsep dan teknik penyelidikan yang terdapat dalam penulisan tentang kaedah penyelidikan. Bincangkan setiap satu dengan jelas:
- [a] kajian belanjawan-masa ("time-budget studies")
 - [b] pendekatan sejarah hidup ("life-history approach")
 - [c] teknik "snowball"
 - [d] pendekatan interpretatif ("interpretative approach")
 - [e] monisme dalam penyelidikan
 - [f] pemberian kuasa melalui penyelidikan ("empowerment through research")
- [100 markah]